

26 FEB 2000

BUMIPUTERA-INTERAKSI

PLATFORM UNTUK PROFESIONAL BUMIPUTERA BERINTERAKSI PERLU DIADAKAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Satu platform atau mekanisma untuk menggabungkan tenaga profesional Bumiputera untuk mereka berinteraksi sesama sendiri perlu diwujudkan, kata Datuk Mustapa Mohamad, penaung Jawatankuasa Induk Kongres Profesional Muda Melayu (KPMM) 2000, hari ini.

Dengan adanya platform sebegini, akan memudahkan golongan profesional Bumiputera untuk berinteraksi dengan pihak-pihak swasta atau kerajaan dan sebaliknya.

"Saya rasa banyak yang boleh kita capai melalui interaksi biasa. Ini perlu supaya jika ada unjuran daripada kerajaan atau pihak lain dapat kita suntikkan kepada mereka," kata beliau kepada pemberita selepas perasmian KPMM 2000 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini.

Mustapa yang juga penasihat ekonomi Kementerian Kewangan berkata, beliau kerap juga mengadakan pertemuan dengan golongan profesional muda, dan diharap selepas kongres itu suatu platform yang kekal untuk mereka berinteraksi akan terhasil.

KPMM 2000 yang berlangsung selama dua hari dianjurkan oleh ANSARA atau Persatuan Bekas Pelajar MRSM (Maktab Rendah Sains Mara) Malaysia yang dipengerusikan oleh Mukhriz Mahathir.

Tema kongres itu pada kali ini ialah "Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi (ekonomi yang berdasarkan ilmu pengetahuan)."

Mustapa juga berkata baru-baru ini terdapat di kalangan profesional Bumiputera yang mempertikaikan beberapa pendekatan kerajaan walhal mereka merupakan produk Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Maka diharap kongres dapat membangkitkan semangat cinta kepada negara, syukur kepada dasar ekonomi baru ... satukan mereka kembali dan bincangkan isu-isu yang akan ditekankan dalam alaf baru," tambah beliau.

Ditanya adakah golongan profesional Bumiputera bersedia untuk menghadapi K-Ekonomi, Mustapa berkata mereka perlu membudayakan ilmu untuk mempersiapkan diri menghadapi arus K-Ekonomi.

Bukan sahaja K-Ekonomi, arus globalisasi juga memerlukan mereka mempunyai daya tahan dan daya saing kerana segala-galanya bergerak dengan pantas dan dinamik.

Sementara itu, Mukhriz berkata adalah terlalu awal untuk mengukur sama ada golongan profesional Bumiputera mempunyai cukup bekalan untuk meghadapi K-Ekonomi.

Muhriz berkata: "Inilah sebab kita adakan kongres ini. Dalam setiap bengkel kita akan bincangkan apakah cabarannya, apakah kedudukan kita berbanding dengan bangsa-bangsa lain baik dalam atau luar negeri ... apa yang perlu kita buat untuk bangsa kita."

KPMM 2000 yang disertai lebih kurang 1,500 orang peserta menyediakan lima bengkel di dalam bidang keusahawanan; kewangan; pendidikan dan sumber manusia; teknologi tinggi dan budaya, agama dan sosial, katanya. -- BERNAMA

MK OS